

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 OKTOBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

Ekonomi MADANI bina negara lebih baik, mampan

Kerajaan 'naikkan siling dan lantai' pastikan manfaat berkualiti, saksama

Kerajaan melalui pendekatan Ekonomi MADANI memperkasaikan rakyat dengan menstruktur semula ekonomi demi membina negara lebih baik dan mampan, di samping terus meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Dalam menjayakannya, mobilisasi sumber dan usaha bersama pihak berkepentingan termasuk kerajaan, pihak swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat diperlukan secara menyeluruh.

Justeru, kerajaan memperkuat dua teras utama iaitu 'Menaiakkan Siling' dan 'Menaiakkan Lantai' bagi memastikan manfaat berkualiti dan saksama mengikut nilai MADANI, iaitu kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, nilai hormat serta keyakinan dan ihsan, dicapaikan.

Langkah jangka masa pendek dan sederhana dalam kerangka itu menjadi asas dan melengkap dasar yang baharu dilancarkan, termasuk Pelan Hala Tuju Persefahaman Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK-12).

Misalnya, matlamat jangka masa pendek ditetapkan untuk menangani isu mendesak yang memberikan kesan kepada rakyat dan perniagaan seperti mempercepatkan projek, membasmi kemiskinan tegar melalui pelaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat.

Hal ini bertujuan menyediakan

EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT

Bersama Membina Malaysia yang Lebih Baik

Menaiakkan Siling Peneraju Ekonomi Asia

- Destinasi Pelaburan Berdaya Saing & Bertaraf Global
- Industri Berteraskan Digital & Inovasi
- Peneraju Ekonomi Islam Global
- Jaguh PMKS Serantau
- Keterjaminan & Kemampaman Ekonomi

Untuk berjaya memerlukan pendekatan seluruh Malaysia (Rakyat, Kerajaan & Industri)

Menaiakkan Lantai Peningkatan Darjah Hidup Rakyat

- Pekerjaan Bermakna & Berpendapatan Tinggi
- Keterangkuman & Kesaksamaan Peluang
- Akses Sejagat Pendidikan & Kesihatan
- Kemudahan Asas Bertaraf Dunia
- Perlindungan Sosial untuk Semua

Dengan semangat perpaduan

Tata kelola yang baik (membanteras rasuah)

Sistem Penyampaian awam yang tangkas & kolaboratif

Malaysia Berasaskan Nilai MADANI
[Kemampunan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Nilai Hormat dan Keyakinan & Ihsan] Memastikan etika menjadi asas dalam mencapai kemajuan, pembaharuan institusi dan perpaduan masyarakat

peluang meningkatkan dan mempelbagaikan pendapatan yang boleh memberikan kebebasan dan ketahanan kewangan, selain konsep Payung Rahmah diperkenalkan bagi meringankan beban kewangan serta meninggikan cabaran kos sara hidup.

Pada skala lebih besar, kerangka Ekonomi MADANI menetapkan matlamat jangka masa se-derhana melalui tujuh penunjuk prestasi utama yang akan dicapai negara dalam masa 10 tahun.

Usaha ini termasuk menggliatkan semula sektor perindustrian dan meningkatkan kecekapan agihan peruntukan sumber serta barang dan perkhidmatan bagi memacu pertumbuhan ekonomi lebih kukuh, disokong oleh dasar fiskal lebih mampan.

Matlamat ini akan dicapai me-

lalui dua fokus, iaitu Malaysia: Pe-

neraju Ekonomi Asia yang merangkumi tujuh inisiatif iaitu Agenda Serantau (ASEAN); Ma-

lyasia sebagai Destinasi Pelaburan; Mengantarabangsaan Syarikat Pemula Tempatan serta Perusa-

hanan Kecil dan Sederhana (PKS); Peneraju Ekonomi Islam Global;

Usahawan Mikro dan Sektor Ti-

dak Formal; Pertumbuhan Hijau Demi Daya Tahan Iklim; Guna Tanah dan Keterjaminan Makanan.

Melalui fokus Meningkatkan Kualiti Hidup Rakyat ia merangkumi lapan teras iaitu Peluang Pekerjaan dengan Gaji Bermakna; Kesaksamaan Peluang; Perlindungan Sosial untuk Semua;

Pembaharuan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan; Pembaharuan Pendidikan dan Sumber Manusia; Infrastruktur dan Pe-

ngangkutan Awam; Kemudahan Asas dan Perumahan Mampu Milik kepada Semua Rakyat.

Dalam pada itu, tata kelola yang baik dan penyampaian perkhidmatan awam yang cekap menjadi asas untuk mendapatkan kepercayaan semua pihak berkepentingan bagi menyokong dan melaksanakan tindakan kolektif ke arah transformasi yang diperlukan.

Pembaharuan struktur dan institusi Parlimen, media dan perkhidmatan awam akan mengukuhkan tadbir urus dan kapasiti institusi, sementara penyampaian perkhidmatan awam yang cekap disokong agenda digitalisasi penting untuk memacu pertumbuhan ekonomi di samping mendepani realiti perkembangan global.